

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
BENGKEL PENSIJILAN 'ENERGY MANAGEMENT
GOLD STANDARD' (EMGS)**

**17 FEBRUARI 2025 | ISNIN | 9.00 PAGI
DEWAN KULIAH (DK1)
KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA
UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS
PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Madya Ts. Dr. Hajah Emma
Marinie Ahmad Zawawi**
Penolong Naib Canselor
Kolej Pengajian Alam Bina

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,
Komuniti, Alumni Dan Keusahawanan (iCARE)
UiTM Cawangan Selangor

**YBrs. Profesor Madya Dr Mohd Haidzir Abd
Manaf**

Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh, Selayang &
Teluk Intan
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Ts. Zainolasri Abdul Sani

Pengarah Fasiliti
UiTM Cawangan Selangor

**Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan
Selangor**

Penceramah Jemputan,

1. Encik Muhamad Muhtazam Bin Noor Din

Pengurus Bahagian Lestari

Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)

2. Ts. Dr. Mohamad Fani Bin Sulaima

Timbalan Pengarah

Center for Smart Environment (CENSEi),

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Barisan Dekan-Dekan

Para peserta bengkel, dan seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul

pada pagi ini sempena majlis perasmian **Bengkel Pensijilan 'Energy Management Gold Standard' (EMGS) Di Bawah Inisiatif 'Asean Energy Management Scheme' (AEMAS) UiTM Kampus Puncak Alam Dan UiTM Kampus Sungai Buloh, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor** dalam usaha UiTM mewujudkan sistem pengurusan tenaga bagi menguruskan penggunaan tenaga di kampus-kampus UiTM.

2. Untuk makluman hadirin, Pengurusan Tenaga adalah amat penting dan sering ditekankan oleh pengurusan tertinggi UiTM memandangkan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk membayar bil penggunaan tenaga adalah amat tinggi.
3. Izinkan saya berkongsi beberapa fakta untuk pengetahuan hadirin sekalian.

- a. **Fakta Pertama:** Kos Bil Elektrik yang dibayar oleh UiTM bagi seluruh negara adalah sebanyak RM144 juta untuk tahun 2024 .

Jumlah ini sahaja adalah melebihi dari peruntukan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk menyelenggara semua kampus-kampus UiTM.

- b. **Fakta Kedua:** Kampus tertinggi yang membayar Bil Elektrik adalah Kampus Puncak Alam iaitu sebanyak RM38.4 juta bagi tahun 2024, meningkat dari RM35.8 juta pada tahun 2023 iaitu peningkatan 7.26%.

Walaupun bayaran Bil meningkat 7.26%, tetapi saya ingin mengucapkan ribuan terima kepada semua warga UiTM Kampus Puncak Alam kerana dari segi penggunaan tenaga, berlaku pengurangan sebanyak 2.6 juta

kilowatt jam atau 3.35% iaitu dari 77.5 juta kilowatt jam pada tahun 2023 **turun** kepada 74.9 juta kilowatt jam pada tahun 2024.

c. **Fakta Ketiga:** Kampus Ketiga Tertinggi membayar bil elektrik dalam UiTM adalah kampus sungai Buloh iaitu RM10.6 juta bagi tahun 2024 berbanding RM9.9 juta pada tahun 2023. Penggunaan tenaga adalah 21.3 juta kilowatt jam pada tahun 2024.

Hadirin yang dihormati,

4. Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 (Akta 861) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2025, telah mengariskan keperluan untuk mewujudkan sistem pengurusan tenaga, dan tentulah kita semua tertakluk kepada Akta ini.

5. UiTM juga telah menetapkan garis panduan dan dasar kelestarian bagi memastikan semua aspek operasi kampus selari dengan prinsip pembangunan mampan.
6. Saya dan barisan pengurusan UiTM Cawangan Selangor sentiasa mendukung dan komited dalam menerapkan nilai-nilai kelestarian merangkumi pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk memastikan pembangunan lestari dikalangan warga kampus.
7. Saya difahamkan, pensijilan EMGS ini adalah mekanisme untuk menggalakkan organisasi dan industri untuk mengambil pendekatan sistematik dalam pengurusan tenaga dan ia melibatkan pelaksanaan teknologi terkini, audit tenaga, dan pelan tindakan yang jelas untuk mencapai penjimatan tenaga yang optimum.

8. Melalui program pensijilan EMGS ini juga, kita bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran tenaga, malah membantu organisasi mencapai penjimatan kos serta memenuhi tanggungjawab sosial dan alam sekitar.
9. Saya melihat bengkel ini sebagai satu langkah ke hadapan dalam mengukuhkan pemahaman serta pelaksanaan pengurusan tenaga yang lebih efisien.
10. Saya percaya bahawa program ini dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang kompeten dalam pengurusan tenaga serta mendorong inovasi dan penyelidikan ke arah penggunaan tenaga yang lebih mampan.

Hadirin sekalian,

11. Dengan purata pembayaran bil elektrik di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam sebanyak RM3.2 juta ringgit sebulan, dan RM900 ribu ringgit sebulan di Kampus Sungai Buloh, adalah amat penting Pengurusan Kampus mengambil tindakan segera mengawal penggunaan tenaga.
12. Justeru, di dalam usaha pihak UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan UiTM Kampus Sungai Buloh menuju ke arah pensijilan EMGS, kita harus tekankan gaya hidup yang menjimatkan tenaga.
13. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga UiTM Cawangan Selangor agar mengawal penggunaan tenaga di pejabat, makmal, dan bangunan universiti dengan memastikan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan.

14. Selain itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membantu dalam pemantauan dan pelaksanaan sistem pengurusan tenaga yang lebih cekap melalui penggunaan teknologi dan amalan terbaik.
15. Ayuh kita sama-sama menggalakkan budaya jimat tenaga di kalangan warga UCS dalam usaha menyokong agenda kelestarian hijau.
16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan bengkel pada hari ini.
17. Peranan semua pihak adalah penting dalam memastikan kejayaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Kampus Sungai Buloh untuk mendapatkan pengiktirafan dan pensijilan.

18. Saya percaya, kerjasama yang erat semua pihak; dari barisan pentadbiran, staf akademik, staf sokongan dan pelajar, UiTM Cawangan Selangor dapat menjadi model institusi pendidikan tinggi yang berjaya dalam mengamalkan pengurusan tenaga secara berkesan serta memupuk budaya pengurusan tenaga yang lebih cekap, efektif, dan lestari.
19. Saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini dapat membawa pulang ilmu dan kesedaran yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian.

Pagi hari menebar jala,
Ikan ditangkap di tepi muara.
Uruskan tenaga dengan bijaksana,
Agar UCS lestari sejahtera.

20. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Bengkel Pensijilan 'Energy Management Gold Standard' (EMGS) Di Bawah Inisiatif 'Asean Energy Management Scheme' (AEMAS) UiTM Kampus Puncak Alam dan UiTM Kampus Sungai Buloh, Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**